

| | | | |
|------------|------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Tambah 5 kawah | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 24 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 1,270,667 |
| Page No | 82 | Readership | 3,812,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 368 cm ² |
| Journalist | Muhammad Shalaby | AdValue | RM 14,497 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 43,491 |



Tambah 5 kawah

■ Hospital Pakar KPJ, 10 agensi terbabit dalam program Karnival Bubur Lambuk Sesama Kita

Muhammad Shalaby
Shahbuddin
am@hmetro.com.my

Sebanyak 10 agensi kerajaan dan swasta sekitar Bandar Perda, di sini, terbabit dalam program Karnival Bubur Lambuk Sesama Kita yang dianjurkan Hospital Pakar KPJ Pulau Pinang, di sini, baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Pakar KPJ Pulau Pinang Dr Abd Aziz Abd Rahman berkata, program amalan bersedekah bubur lambuk itu menjadi tradisi tahunan hospital berkenaan sejak tiga tahun lalu.

"Ini adalah kali pertama ia dianjurkan secara besar-besaran apabila kami menambah lima kawah bubur lambuk ber-

banding dua tahun sebelumnya.

"Program ini bertujuan berkongsi keceriaan dengan orang ramai serta mengmarkahkan lagi sambutan Ramadan di samping mengeratkan lagi ukhuwah antara kakitangan KPJ bersama agensi kerajaan dan swasta yang berhampiran," katanya.

Dr Abd Aziz turut sama memasak bubur 'lambuk bersama kakitangan dan 10 agensi kerajaan serta swasta

yang membabitkan seramai 80 orang bermula jam 8 pagi dan berakhir jam 11 pagi.

Beliau berkata, antara agensi terbabit adalah The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seberang Perai Tengah, Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bandar Perda, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Zakat Pulau Pinang (ZPP), Lembaga Tabung Haji (TH) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Seberang Perai.

"Sebanyak 3,000 bungkus bubur lambuk berjaya diagihkan kepada orang ramai, kakitangan, pesakit serta semua yang terbabit dalam program ini.

"Selain itu, kami sudah mengatitkan pelbagai program bersempena Ramadan

antaranya majlis berbuka puasa bersama anak yatim, pelajar tahfiz, program singgah sahur, sumbangan kuih raya kepada pesakit dan banyak lagi," katanya.

Katanya, program berkenaan turut mendapat kerjasama daripada tukang masak dari Surau Taman Pauh Jaya, Permatang Pauh.



| | | | |
|------------|------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Tambah 5 kawah | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 24 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 1,270,667 |
| Page No | 82 | Readership | 3,812,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 368 cm ² |
| Journalist | Muhammad Shalaby | AdValue | RM 14,497 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 43,491 |



DR Abd Aziz (tiga dari kanan) turut sama memasak bubur kambuk bersama kakitangan agensi.